

D696

B B440 DEB

MAHATHIR - AGAMA

1985

KUALA KRAI, 12 JULAI (BERNAMA) -- UMAT ISLAM JANGAN TERLALU TAKSUB DENGAN TAFSIRAN AGAMA SEHINGGA MENYEBABKAN PERPECAHAN SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA BUAH NEGARA ASIA BARAT, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KETIKA BERUCAP KEPADA PARA PENEROKA RANCANGAN LEMBAGA KEMAJUAN KAWASAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR) DI MENGKEBANG, 12 KM DARI SINI, BELIAU BERKATA, TAFSIRAN AGAMA YANG BERBEZA DI KALANGAN UMAT ISLAM BUKANLAH KERANA TERDAPAT BANYAK MAZHAB DALAM ISLAM.

KATANYA, PEMBUNUHAN MAZHAB SUNNI OLEH MAZHAB SYIAH DI SABRA DAN SHATILA DAN BERLAKUNYA PEPERANGAN IRAN-IRAQ ADALAH BERPUNCA KERANA PIHAK TERBABIT TERLALU TAKSUB DENGAN SESUATU MAZHAB.

+SEGALA USAHA MENDAMAIKAN MEREKA YANG TERBABIT MENEMUI KEBUNTUAN KERANA MEREKA TIDAK BERSIKAP JUJUR DALAM USAHA MENAMATKANNYA.

+ADAKAH KITA MAHU KEADAAN SEDEMIKIAN BERLAKU DI NEGARA KITA?+
TANYA BELIAU.

SIKAP TERLALU TAKSUB SEHINGGA TIDAK SANGGUP BERSATU-PADU DAN MENGASINGKAN DIRI HENDAKLAH DIHINDARI DALAM USAHA MEMELIHARA KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA ISLAM YANG DISEGANI. -- LAGI
1822MST 12 07 85

MAHATHIR - AGAMA 2 KUALA KRAI

BELIAU BERKATA, UMAT ISLAM DI NEGARA INI SEPATUTNYA BERSYUKUR DENGAN NIKMAT YANG DIKECAPI, BERSATU TENAGA DAN MENGGUNAKAN KEKAYAAN UNTUK MEMPERTAHANKAN UMAT ISLAM.

+DI NEGARA-NEGARA ISLAM YANG BERPERANG, UMAT ISLAM BERADA DALAM KEADAAN MENDUKACITAKAN SEHINGGAKAN MEREKA TIDAK DAPAT BERSEMAHJANG DALAM SUASANA YANG TENANG.

+KITA MASIH BOLEH MENYELESAIKAN SESUATU MASALAH TANPA MELALUI PROSES PEPERANGAN ATAU DENGAN CARA YANG TIDAK MEMBINASAKAN SESAMA KITA.

+JIKA KITA LUPA DAN MENGAMALKAN SESUATU YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM, UMAT ISLAM AKAN BINASA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA KEKAYAAN YANG ADA HENDAKLAH DIGUNAKAN BAGI MENIMBA ILMU DAN MEMBELI SENJATA UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRI DAN BUKAN UNTUK BERPERANG SESAMA SENDIRI SEPERTI DI SESETENGAH NEGARA ISLAM.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID RANCANGAN TANAH ITU. -- BERNAMA.

1825MST 12 07 85